JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

KHUTBAH JUMAAT
PERTAMA DAN KEDUA

19 Jamadilawal 1448H/30 Oktober 2026M

"LARANGAN MENYERUPAI AGAMA LAIN: MEMELIHARA AKIDAH DAN JATI DIRI MUSLIM"

Disediakan oleh:
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah Jumaat menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

Mohon semak kod QR ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَآئِلِ:

... ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ...

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَآ أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهُ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pada hari Jumaat yang penuh keberkatan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa yakni sentiasa melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan itu, Allah SWT meninggikan darjat kita di sisi-Nya sebagai hamba yang bertakwa. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia seperti berbual, bermain telefon atau tidur. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: ***"Larangan Menyerupai Agama Lain: Memelihara Akidah Dan Jati Diri Muslim."***

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam dunia tanpa sempadan, pertembungan budaya dan agama berlaku dengan sangat pantas melalui media sosial dan media massa. Unsur-unsur budaya keagamaan luar sering ditayangkan sebagai norma kemodenan atau hiburan yang tidak berbahaya. Cabaran utama umat Islam kini adalah untuk memelihara jati diri, identiti, serta kemurnian akidah. Salah satu perkara yang diberi peringatan tegas oleh Rasulullah SAW dan para ulama fiqh adalah perbuatan *tasyabbuh*, iaitu sengaja meniru atau menyerupai perlakuan, gaya hidup, pakaian, simbol, mahupun ritual khusus agama lain. Islam adalah agama yang sempurna dan diredai Allah SWT. Oleh yang demikian, umat Islam tidak perlu menggunakan ritual atau simbol agama lain untuk berasa moden atau diterima oleh masyarakat lain. Islam merupakan agama yang sempurna, menyeluruh dan mencakupi segala hal yang diperlukan sebagai panduan hidup manusia agar dapat menjalani hidup dengan baik, teratur dan sejahtera, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, ayat 3 **yang bermaksud:** *"..Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu..."*

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Para ulama membahagikan batasan menyerupai (*tasyabbuh*) ini kepada tiga kategori utama:

Pertama: Peniruan dalam ritual keagamaan dan akidah, hukumnya adalah diharamkan secara ijmak (sepakat seluruh ulama) kerana melibatkan pencampuran akidah dan pengiktirafan terhadap ibadah selain daripada Islam.

Kedua: Peniruan simbol dan ciri khas agama iaitu meniru lambang keagamaan, pakaian rasmi ritual, atau perayaan keagamaan lain adalah dilarang keras demi memelihara kesucian dan identiti unik umat Islam.

Ketiga: Urusan kemajuan duniawi, sains dan teknologi seperti meniru dalam aspek umum seperti penguasaan sains, teknologi, pentadbiran, dan kemahiran duniawi yang berfaedah adalah diharuskan, selagi tidak bercanggah dengan syarak.

Rasulullah SAW telah memberikan amaran tegas mengenai bahaya mengikuti trend atau tradisi keagamaan lain secara membuta tuli dan tanpa pertimbangan berdasarkan ajaran Islam. Menerusi hadis sahih Riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Said al-Khudri radiallahuanhu, Nabi SAW bersabda:

لَتَتَّبِعُنَّ سَنَنَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ، شِبْرًا بِشِبْرٍ وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ، حَتَّى لَوْ دَخَلُوا جُحْرَ ضَبٍّ لَتَبَعْتُمُوهُمْ...

Maksudnya: *"Sesungguhnya kamu pasti akan mengikuti jejak langkah orang-orang sebelum kamu sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta, sehingga kalau mereka masuk ke lubang biawak sekalipun, nescaya kamu tetap akan mengikuti mereka..."*

Hadis ini menggambarkan betapa sebahagian umat Islam hari ini mudah terpengaruh dengan perayaan, simbol, dan trend media sosial tanpa menyemak latar belakang keagamaan atau akidah di sebaliknya. Perhatikanlah betapa tajamnya perumpamaan yang digunakan oleh Rasulullah SAW. Perumpamaan lubang biawak menggambarkan sebuah tempat yang sempit, kotor, dan tidak mendatangkan sebarang kebaikan. Namun, Baginda memberikan amaran bahawa segelintir umat Islam pada

masa hadapan sanggup mengikut gaya hidup dan budaya yang bercanggah dengan syarak tanpa usul periksa terlebih dahulu semata-mata kerana ingin menjadi “pak turut”, walaupun jelas merosakkan atau tidak masuk akal.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita meneliti suatu panduan emas daripada Rasulullah SAW yang memperkukuh lagi larangan terhadap perbuatan meniru budaya luar secara sembarangan. Sabda Baginda SAW daripada sahabat Abdullah bin Umar radiallahuanhu:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ.

Maksudnya: *“Barang siapa yang menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk golongan mereka.”* (Riwayat Abu Daud)

Jika dlihat pada zahir hadis ini, ungkapan Baginda SAW bersifat umum merangkumi apa jua perbuatan meniru gaya hidup, pakaian, perkataan, mahupun perbuatan sesuatu kaum. Namun, apabila kita meneliti huraian para ulama fiqh, para mujtahid menjelaskan bahawa larangan ini tidaklah bermaksud mutlak pada setiap perkara, sebaliknya larangan yang terikat dengan syarat yang sangat penting iaitu peniruan yang dimaksudkan dan dilarang keras oleh syarak ialah meniru perkara-perkara yang menjadi ciri khas, simbol keagamaan, perayaan khusus, atau gaya hidup yang bertentangan dengan syariat bagi kaum atau golongan tersebut. Adapun meniru perkara-perkara positif yang bersifat umum seperti disiplin kerja yang tinggi, kebersihan, teknologi, atau kepakaran sains yang tidak bercanggah dengan Islam maka tidak termasuk dalam larangan *tasyabbuh* ini, bahkan ia digalakkan demi kemaslahatan ummah.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Walaupun Islam melarang perbuatan *tasyabbuh* yang bercanggah dengan akidah dan syariat, namun Islam tidak pernah mengajar umatnya untuk bersikap kasar, menghina atau mencetuskan provokasi terhadap penganut agama lain. Sebaliknya, Islam menuntut umatnya agar sentiasa berpegang teguh pada akidah yang benar, di samping memelihara akhlak yang mulia serta menghormati keharmonian hidup bermasyarakat. Allah SWT melarang keras umat Islam daripada mencela atau menghina tuhan dan simbol sembahan agama lain menerusi surah al-An'am ayat 108 **yang bermaksud:** *"Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain daripada Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan."*

Ayat yang dibacakan tadi jelas menunjukkan bahawa Islam bukan sahaja menitikberatkan soal pemeliharaan akidah, bahkan turut menuntut umatnya menjaga adab dan akhlak ketika berinteraksi dengan penganut agama lain. Larangan mencela sembahan agama lain merupakan satu panduan penting agar umat Islam tidak melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan permusuhan, mencetuskan ketegangan dan membawa kepada penghinaan terhadap Allah SWT. Justeru, umat Islam hendaklah memahami bahawa ketegasan dalam mempertahankan akidah tidak boleh dijadikan alasan untuk bertindak secara melulu, bersikap kasar atau menyinggung perasaan orang lain. Sebaliknya, pendirian yang teguh terhadap ajaran Islam hendaklah disertai dengan kebijaksanaan, kesantunan dan akhlak yang terpuji.

MUSLIMIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bagi memastikan akidah dan jati diri Islam kita serta ahli keluarga sentiasa terpelihara daripada pengaruh *tasyabbuh* yang bercanggah dengan syariat, marilah kita mengambil kesimpulan terhadap beberapa langkah penting berikut:

Pertama: Meneliti setiap amalan sebelum mengikutinya. Umat Islam hendaklah menyemak hukum sesuatu perayaan, lambang atau trend sebelum mengikutinya dengan merujuk panduan syarak dan pihak berautoriti agama.

Kedua: Memelihara maruah dan identiti Muslim. Umat Islam hendaklah berbangga dengan ajaran Islam serta menjaga akidah dan syariat tanpa mudah terpengaruh dengan amalan yang bercanggah dengannya.

Ketiga: Memelihara keharmonian masyarakat. Umat Islam hendaklah menghormati penganut agama lain, berbuat baik dan hidup secara harmoni, tanpa mengabaikan akidah serta menyertai ritual keagamaan yang bercanggah dengan syariat Islam. Allah SWT berfirman dalam surah Ali-Imran, ayat 19 :

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَـٰمُ ۗ وَمَا ٱخْتَلَفَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ ۗ وَمَن يَكْفُرْ بِـَٔايَـٰتِ ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ

Maksudnya: *Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam, dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang*

ada dalam kalangan mereka, dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisab-Nya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَآءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

تيكس خطبة كدوا

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِين وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. أَشْهَدُ اَنْ لاَّ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اِتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلاَةِ وَالتَّسْلِيْمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيْمِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِى الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ. آمِين يا رَبَّ العَلَمِين. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَآءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالهِدَايَةَ وَالسَّلاَمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا **كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤادوک بكيندا يڠ دڤرتوان اكوڠ** وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الأَعْلَى **توان يڠ تراوتام يڠ دڤرتوا نكري سابه.** وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَآئِرَ بِلاَدِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيمٌ.

اَللَّهُمَ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلاَءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحَنَ وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

Ya Allah, Peliharalah akidah kami, akidah anak-anak kami, akidah keluarga kami serta akidah seluruh umat Islam di negara ini khususnya di negeri Sabah, agar sentiasa berpegang dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jauhkanlah kami daripada fitnah kesesatan, penyelewengan akidah, dan kekeliruan akhir zaman.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan

perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, Bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin, dan di setiap pelosok alam yang dicengkam kezaliman. Jadilah Engkau sebaik-baik Pelindung yang memayungi mereka, Penolong yang mengubati duka lara mereka, dan Penyokong yang meneguhkan langkah mereka.

Ya *Qadiyal hajat*, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah di masjid, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, kurniakanlah kami kekuatan agar dapat menghadirkan diri dalam solat Subuh, sebagaimana ramainya kami hadir menunaikan solat Jumaat pada hari ini. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَيَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡبَغۡيِۚ يَعِظُكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ،

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:
Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
No. telefon: 088-522127
E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com